

11/09/1998

Pemimpin Umno terima penjelasan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin Umno pelbagai peringkat menerima dan memahami penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tindakannya melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan memecat keahliannya dalam Umno.

Mereka kini mula menggerakkan jentera bagi memberi penjelasan kepada seluruh rakyat berhubung pelucutan jawatan dan pemecatan berkenaan bagi mengelakkan kekeliruan di peringkat akar umbi.

Di JERTIH, Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor, berkata semua Umno negeri sudah diarah mengatur sesi penerangan kepada pemimpin parti peringkat negeri dan bahagian masing-masing mengenai isu itu.

Menurutnya, pada majlis itu, pemimpin peringkat bahagian, termasuk ketua bahagian, timbalan, naib, setiausaha, bendahari, ketua penerangan, ketua pemuda dan wanita Umno akan diundang mendengar penjelasan terperinci isu itu.

Beliau berkata, kini terserah kepada Pengerusi Badan Perhubungan negeri untuk mengatur majlis itu kerana mereka sudah diberi penjelasan terperinci mengenainya oleh Presiden parti.

Dr Yusof berkata, Umno tidak bercadang menghantar pemimpin tertinggi parti, termasuk ahli Majlis Tertinggi (MT) untuk menyampaikan penerangan di setiap negeri dan bahagian kerana pemimpin negeri dan bahagian sudah jelas mengenai perkara itu.

Di KEMAMAN, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, menganggap sokongan padu ahli parti terhadap pemecatan Anwar menunjukkan sokongan mereka terhadap tindakan Perdana Menteri itu.

Katanya, sokongan dua sayap Umno, Pergerakan Pemuda dan Wanita penting bagi perpaduan parti.

Beliau berkata, isu Anwar tidak sehebat yang dihadapi Datuk Harun Idris yang menampakkan riak lebih jelas ke arah perpecahan orang Melayu.

"Sehingga ini, walaupun pada mulanya agak kelihatan tegang, semakin hari semakin jelas kerana semua rakyat mahukan kestabilan dan setiap masalah perlu diselesaikan melalui undang-undang," katanya.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, meminta Anwar membatalkan hasrat mengadakan gerakan reformasi, termasuk mengheret rakyat bersekongkol dengan masalah peribadinya.

Katanya, jika diteruskan, tindakan mencari keadilan di luar mahkamah itu akan mendedahkan lebih banyak keburukan Anwar.

"Beliau sebelum ini (ketika dalam kerajaan dan Umno) begitu marah dan menentang cara itu (mendapatkan keadilan di luar mahkamah) apabila digunakan pembangkang tapi kini melakukan tindakan yang sama," katanya.

Di KUANTAN, Badan Perhubungan Umno Pahang menyokong penuh keputusan MT memecat Anwar daripada parti itu baru-baru ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno itu Selasa lalu di Kuala Lumpur.

Justeru, Mohd Khalil berkata, jentera penerangan parti akan digerakkan segera bagi menjelaskan kepada seluruh ahli parti negeri ini mengenai sokongan itu khususnya alasan pemecatan itu.

Di KOTA KINABALU, Badan Perhubungan Umno Negeri meminta pemimpin Umno setiap peringkat memberi penjelasan ke peringkat akar umbi mengenai isu pemecatan itu.

Ketuanya, Datuk Osu Sukam, berkata semua ketua bahagian perlu memberi

penerangan jelas kepada ahli Umno di negeri ini sebab utama Anwar dilucutkan jawatan daripada Kabinet dan dipecat keahliannya.

"Tindakan itu adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Sabah hari ini yang sebulat suara menyokong tindakan Perdana Menteri memecat Anwar," katanya.

Di KOTA BHARU, anggota MT, Tan Sri Hussein Ahmad, meminta anggota parti tidak mempertikaikan pemecatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana ia hak mutlak Perdana Menteri.

"Oleh itu, kita jangan campur dalam soal ini, itu kerja Perdana Menteri," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pemecatan Anwar daripada Umno dibuat oleh MT.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor, yakin semua ahli Umno dapat menerima alasan tindakan melucutkan Anwar daripada semua jawatan kerajaan dan parti.

Beliau berkata, tiada sebab bagi ahli yang mematuhi disiplin dan keputusan parti, tidak dapat menerima alasan itu memandangkan pucuk pimpinan parti mempunyai alasan kukuh.

Di MELAKA, mesyuarat khas Umno bahagian Kota Melaka memberi sokongan padu terhadap tindakan MT memecat Anwar.

Ketuanya, Datuk Amid Nordin, berkata semua ahli jawatankuasa yang hadir memberi pandangan masing-masing dan akhirnya sebulat suara menyokong tindakan pucuk pimpinan.

Setiausaha Wanita Umno Melaka, Rabiyyah Ali, berkata sokongan semua ketua wanita bahagian di Melaka sudah dihantar kepada Perdana Menteri melalui e-mel, kelmarin.

Ketua Umno bahagian Alor Gajah, Datuk Abu Seman Yusop, berkata Umno bahagian berkenaan juga memberi sokongan padu ke atas pemecatan berkenaan.

Di IPOH, Biro Penerangan Umno Perak mengatur program menjelajah ke semua Umno bahagian negeri bagi menjelaskan kepada ahli mengenai pemecatan itu.

Ketuanya, Datuk Ramly Zahari, berkata penerangan itu bukan hanya terhad kepada ahli Umno, malah kepada kakitangan kerajaan serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Ketua Umno bahagian Tanjung Malim, Datuk Seri Junus Wahid, berkata pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan Pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian itu bagi menjelaskan isu berkenaan Ahad ini.

Katanya, ahli Umno tidak sewajarnya bertindak mengikut emosi, sebaliknya berpegang kepada keputusan dan persetujuan ramai.

Di ALOR STAR, Ketua Pergerakan Wanita Umno Kedah, Fatimah Ismail, berkata mesyuarat khas pergerakan itu hari ini turut menyokong tindakan MT parti itu memecat Anwar.

Pergerakan itu meyakini Presiden parti dan MT mempunyai alasan kukuh untuk mengambil keputusan itu.

(END)